



12 Februari 2015  
12 February 2015  
P.U. (A) 26

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2015

### *ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS VEHICLES) RULES 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN  
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barang) 2015.**
- (2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 17 Februari 2015.

**Larangan**

2. (1) Pemanduan mana-mana jenis kenderaan barang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 17, 18, 21 dan 22 Februari 2015 pada masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.
  - (2) Larangan dalam subkaerah (1) tidak terpakai bagi jenis kenderaan barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
  - (3) Walau apa pun larangan dalam subkaerah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana jenis kenderaan barang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama daripada larangan itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

**JADUAL PERTAMA**  
**[Subkaedah 2(1)]**

(1)	(2)
<i>Jenis Kenderaan Barang</i>	<i>Masa Larangan</i>
(a) Lori pengangkut rendah, lori balak, lori pembancuh simen, lori jongket dan lori mengangkut simen, besi, keluli, batu, pasir, tanah dan bahan binaan yang lain	sepanjang masa
(b) Jentera berat beroda, traktor dan trak tunda	sepanjang masa
(c) Lori mengangkut amang, bijih timah, arang batu dan bahan galian yang lain	sepanjang masa
(d) Lori pengangkut yang mengangkut kenderaan motor yang berat dengan muatannya melebihi 5,000 kg	sepanjang masa
(e) Lori kontena atau kargo yang mengangkut barang elektronik atau elektrik	dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
(f) Kren bergerak	dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di dalam kawasan Lembah Klang, Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (25 km dari tapak pembinaan) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu